



DR ANN (dua kanan) menyerahkan cendera kenangan kepada salah seorang penceramah sambil disaksikan oleh Awang (kiri).

Universiti berperanan bantu komuniti setempat

UB .12 .7 .2014 AG

Oleh YAP SIONG HAN

PUTATAN: Universiti pada masa kini bukan sahaja menjadi pusat pembelajaran semata-mata tetapi juga berperanan membantu komuniti setempat.

Pegawai Daerah Putatan Awang Ghani Yusoff berkata, Universiti Malaysia Sabah (UMS) khususnya kini membantu komuniti Putatan menerusi penyelidikan projek Komuniti Sungai Petagas.

“Seramai 160 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Putatan menyertai kempen kesedaran mengenai kepentingan sungai anjuran projek komuniti Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS.

“Objektif program ini dilaksanakan adalah bagi berkongsi ilmu dan memberikan kesedaran kepada generasi muda khususnya pelajar sekolah ini mengetahui kepentingan menjaga kebersihan Sungai Petagas untuk kejayaan

Projek Udang Galah,” katanya ketika merasmikan kempen kesedaran itu di sini kelmarin.

Beliau berharap program itu dapat meningkatkan kesedaran generasi muda mengenai kepentingan memulihara kebersihan sungai demi masa depan.

Sementara itu, Ketua Projek Komuniti Sungai Petagas Prof Datin Seri Panglima Dr Ann Anton berkata, kajian air yang dilakukan oleh pelajar UMS mendapati Sungai Petagas sangat tercemar.

Katanya, kualiti air penting untuk tumbesaran dan populasi udang galah meningkat secara stabil.

“Usaha melepaskan bibit udang galah akan diteruskan yang mana sehingga kini sejak tahun 2000 sebanyak 18,000 bibit udang galah telah dilepaskan.

“Saya juga berharap agar para pelajar memberitahu rakan-rakan di kampung dan ibu bapa serta jiran agar tidak membuang dan mencemarkan sungai petagas demi kejayaan projek udang galah itu,” katanya.